



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



Norhaizam berada dalam klinik bergerak.  
(Gambar Rafi Mamat/BH)

# KWAN bantu komuniti dapatkan perkhidmatan kesihatan terbaik

Membangunkan KWAN di sembilan negeri dengan kerjasama majlis agama Islam negeri

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Pekan:** Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), inisiatif tanggungjawab korporat KPJ Healthcare Berhad telah memberi rawatan kepada lebih 1.98 juta pesakit dalam tempoh 25 tahun (1999-2023) merangkumi sembilan peratus terdiri daripada pesakit bukan Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelarasan Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), Norhaizam Mohammad, berkata pihaknya berjaya membangunkan KWAN di sembilan negeri dengan kerjasama majlis agama Islam negeri terabit.

Menurutnya, sebanyak 11 KWAN beroperasi laju saat Pulau Pinang, Kelantan (1), Perak (1), Selangor (5) dan Johor (3).

Pada masa sama, katanya terdapat 10 klinik bergerak laju di Kelantan (1), Kedah (1), Johor (2), Sabah (1), Selangor (3), Pulau Pinang (1) dan Pahang (1).



Pemeriksaan kesihatan percuma antara program tanggungjawab korporat diberikan KPJ Pahang.



Fuziah dan Pengarah Besar FELDA, Datuk Amiruddin Abdul Satar (dua dari kanan) meninjau klinik bergerak Waqaf An-Nur.

Selain itu terdapat sembilan pusat dialisis KWAN yang beroperasi di Kelantan (1) dan Negeri Sembilan (2), Johor (3) dan Selangor (3). Sehingga 31 Disember tahun lalu, seramai 215 pesakit mendapat rawatan di sembilan pusat dialisis terabit.

"Kita kini sedang berusaha menambah dua lagi KWAN tahun ini yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik dan profesional kepada masyarakat pelbagai bangsa di Selangor dan Johor.

"KWAN mula ditubuhkan pada 1998 di Plaza Kotaraya, Johor yang kini dikenali sebagai Galleria@ Kotaraya," katanya ketika dite-

mui pada majlis Perasmian Penyerahan Klinik Bergerak Waqaf An-Nur Wakalah Zakat Korporat SSM kepada Waqaf FELDA.

Perasmian disempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh di Dewan Semai Bakti Felda Chini 5, di sini.

Norhaizam berkata, KWAN merupakan cabang amal tanggungjawab korporat KPJ Healthcare bertujuan untuk membantu komuniti berpendapatan rendah dalam memperkuatkannya akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berputatan dan berkualiti tinggi.

Menurutnya, perkhidmatan perubatan KWAN boleh diakses dan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengambil kira bangsa dan agama.

Malah, kemudahan dan tenaga pakar yang ada mampu memberi perkhidmatan berkualiti kepada setiap pesakit yang mendapat rawatan. Kini terdapat 66 kerusi disediakan di pusat dialisis

"Kami turut bekerjasama dengan majlis agama Islam negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

dalam usaha membantu pesakit yang tidak berkemampuan.

Mengenai klinik bergerak KWAN ke-10 di Pahang, Norhaizam berkata ia akan menjelajah di 42 tanah ranangan Wilayah Kuantan.

"Difahamkan klinik bergerak ini mampu memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan rawatan kepada kira-kira 100,000 warga FELDA," katanya.

Menurutnya, klinik yang bergerak akan berada di kawasan tumpuan warga FELDA di daerah ini dan membawa bersama doktor dan jururawat dari Hospital Pahang KPJ Pahang.

## JPJ sita lori seleleweng diesel bersubsidi

**MELAKA:** Sebuah lori yang diubah suai untuk aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi berjaya disita Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam operasi bersepadu di Lebuh Alor Gajah-Melaka-Jasin (AMJ) di sini kelmarin.

Pengaruhnya, Mohd Firdaus Shariff berkata, sewaktu pemeriksaan terhadap lori berkenaan, pihaknya menemukan sebuah tangki kosong bersaiz besar dipercayai untuk diisi minyak diesel.

Menurutnya, kenderaan terbabit yang dipandu seorang lelaki tempatan berusia dalam lingkungan 30-an dipercayai dalam perjalanan untuk mengisi diesel di stesen minyak berdekatan.

"Bila kita periksa ada sebuah tangki besar yang mampu mengisi sebanyak 3,000 liter diesel tetapi ia didapati kosong.

"Kenderaan ini melakukan kesalahan pengubahsuaian kenderaan di mana ia meletakkan tong minyak diesel dan muatan itu tak sesuai untuk kenderaan ini dan kita akan semak secara teknikal beberapa kesalahan lain," ujarnya.

Firdaus berkata, pemandu terbabit juga turut melakukan kesalahan kerana tidak memiliki lesen pengangkutan barang (GDL) dan lori berkenaan disita di bawah Seksyen 12 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 atas kesalahan mengubahsuai tanpa kebenaran.

Dalam ops bersepadu itu beliau berkata, sebanyak 275 saman dikeluarkan terhadap 132 pemandu dan penunggang motosikal kerana melakukan pelbagai kesalahan.

"Motosikal kekal menjadi kenderaan paling banyak dikenakan tindakan saman iaitu 71 buah atas kesalahan tiada cukai jalan, lesen dan ubah suai kenderaan," ujarnya.

Dalam operasi selama tiga jam yang berakhir 11 malam itu, sebanyak 755 kenderaan persendirian dan perdagangan diperiksa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Air, harga ayam pun naik 1 Februari?

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Para penternak ayam memberi amaran bakal berlaku kenaikan harga bahan makanan itu di pasaran berikutnya dengan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasirman Sapari berkata, peningkataan kos utiliti itu dijangka menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber protein tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

"Justeru, kami menjangkakan kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya 25 sen sekilogram. Jika tiada kenaikan harga, penternak akan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh

pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Beliau berkata, ketika ini penternak perlu menagung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meluluskan kenaikan tarif air sehingga 22 sen bagi setiap meter padu bermula 1 Februari ini.

Dalam pada itu, Nasirman mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai dan membantunkan penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerentah birokrasi semasa.

Dakwanya, pengeluaran ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.

"Ketika ini, pengeluaran ayam tempatan sekitar 147 juta ekor setahun sementara sasaran untuk dicapai pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi menuhi peningkatan keperluan penduduk negara ini sekitar 36 juta orang.

"Untuk mencapai pengeluaran sedemikian, bermakna setiap tahun penternak kena tambah pengeluaran 143 juta ekor bagi mencapai sasaran tersebut, sedangkan pelbagai masalah dihadapi penternak termasuk kerentah birokrasi kerajaan," tegasnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin berkata, antara kerentah birokrasi dihadapi penternak tempatan lebih 10 tahun terutama isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri.

"Ada penternak didenda RM20,000 setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan. Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan," katanya.

Kos pengeluaran dijangka turut meningkat

# Harga ayam mahal kerana tarif air naik

Oleh ISKANDAR SHAH  
MOHAMED

**SHAH ALAM** – Harga ayam di pasaran dijangka naik susulan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari depan.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari berkata, peningkatan kos utiliti itu bakal menjadikan kos pengeluaran sumber makanan itu meningkat daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Jelas beliau, kos itu meliputi 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Justeru, kami jangka kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya 25 sen sekilogram.

"Kami berharap harga ayam boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Nasiman, penternak kini perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sehingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Dalam pada itu, beliau mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai dan membebankan penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerenah birokrasi semasa.



GAMBAR fail seorang peniaga ayam standard menyusun untuk dijual kepada orang ramai di Ipoh, Perak baru-baru ini.

"Pengeluaran ayam negara menurun sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu.

"Kini, pengeluaran sekitar 147 juta ekor setahun, manakala sasaran pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi memenuhi peningkatan keperluan 36 juta penduduk negara ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin berkata, antara isu dihadapi para penternak tempatan lebih 10 tahun melibatkan isu kelulusan Keberanayaan Merancang (KM) dari-

pada pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri.

"Ada penternak yang didenda RM20,000 yang dicaj setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan KM. Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan. Kos dikenakan pula sehingga RM60,000.

"Masalah ini berlarutan terlalu lama, ada antara kami yang bina reban dan jual ayam dahulu untuk tumpung kos KM," katanya.

Jelasnya, sekitar 80 hingga 90 peratus daripada lebih 1,000 penternak dipercayai bina reban tanpa KM sebab berdepan kerenah birokrasi dan kos yang tinggi.

## Penternak mahu kerajaan pertimbang naikkan harga ayam

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan berharap harga ayam di pasaran dapat dinaikkan berikutan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Kenaikan harga ayam wajar diperimbangkan kerana kenaikan kos utiliti itu akan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber makanan tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Pengerusinya, Dr Nasiman Sapar turut berkata, ketika ini kos utiliti adalah sebanyak 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Jika tiada kenaikan, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga da-

ri pada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak termasuk Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS) di sebuah hotel di Seksyen 14, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz sebuah reban.



Nasiman (tiga dari kiri) ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak di sebuah hotel di Shah Alam pada Khamis.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 26 JANUARI 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Jan	PJIR Tahun Melawat Melaka 2024 rancakkan sektor runcit, bantu rakyat tangani kos sara hidup – Armizan	<a href="https://my.lifenewsagency.com/2024/01/23/pjir-tahun-melawat-melaka-2024-rancakkan-sektor-runcit-bantu-rakyat-tangani-kos-sara-hidup-armizan/">https://my.lifenewsagency.com/2024/01/23/pjir-tahun-melawat-melaka-2024-rancakkan-sektor-runcit-bantu-rakyat-tangani-kos-sara-hidup-armizan/</a>	LIFE NEWS AGENCY
26-Jan	Jom ke pasar raya setiap 24 hari bulan	<a href="https://www.melakahariini.my/jom-ke-pasar-raya-setiap-24-hari-bulan/">https://www.melakahariini.my/jom-ke-pasar-raya-setiap-24-hari-bulan/</a>	MELAKA HARIINI
26-Jan	Sandakan shop to be charged for price tag offence	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/01/25/sandakan-shop-to-be-charged-for-price-tag-offence/">https://www.theborneopost.com/2024/01/25/sandakan-shop-to-be-charged-for-price-tag-offence/</a>	THE BORNEO POST
26-Jan	Tambah tangki dalam lori 'bonded' taktik seleweng 3,000 liter diesel	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/01/1204535/tambah-tangki-dalam-lori-bonded-taktik-seleweng-3000-liter-diesel">https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/01/1204535/tambah-tangki-dalam-lori-bonded-taktik-seleweng-3000-liter-diesel</a>	BERITA HARIAN
26-Jan	JPJ sita lori disyaki seludup diesel bersubsidi	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/01/25/jpj-sita-lori-disyaki-seludup-diesel-bersubsidi/">https://malaysiagazette.com/2024/01/25/jpj-sita-lori-disyaki-seludup-diesel-bersubsidi/</a>	MALAYSIA GAZETTE
26-Jan	JPJ sita lori seludup minyak diesel bersubsidi	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/jpj-sita-lori-seludup-minyak-diesel-bersubsidi/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/jpj-sita-lori-seludup-minyak-diesel-bersubsidi/</a>	UTUSAN MALAYSIA